



**JAMDIN BUYONG** (Datuk), dilahirkan pada 5 September 1946, di Kampung Putatan, Penampang, Sabah. Beliau merupakan tokoh sastera, bahasa dan budaya negeri Sabah dan antara penulis negeri Sabah yang produktif dan prolifik pada zamannya iaitu awal tahun 60-an. Beliau juga sering menggunakan nama pena seperti Norsabah, Normala Sabah dan Nordi. Jamdin Buyong menerokai pelbagai genre sastera kreatif seperti puisi, cerpen dan drama. Beliau begitu menonjol dalam bidang puisi dan dua buah puisi beliau *Langit Merah* dan *Kematian Kekasih Bumi* telah memenangi Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1971 dan 1973. Dalam bidang kebahasaan, beliau merupakan salah seorang tokoh yang terlibat dalam memperjuangkan kedaulatan

bahasa Melayu di negeri Sabah. Kemuncak daripada perjuangannya itulah telah mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi di negeri Sabah pada 31 Ogos 1973. Beliau juga telah diisytiharkan sebagai Pahlawan Kebudayaan, Bahasa dan Sastera pada tahun 1984 dan beliau merupakan antara penulis negeri Sabah yang mendapat pengiktirafan sebagai Tokoh Penyair Islam Sabah pada tahun 1994.